

26 OCT 2000

Anwar-Amerika

PENYOKONG ANWAR LOBI SOKONGAN AMERIKA

SINGAPURA, 26 Okt (Bernama) -- Para penyokong bekas timbalan perdana menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menggunakan sebuah firma yang berpusat di Washington untuk memastikan tindakan memenjarakan beliau menjadi agenda utama antarabangsa serta untuk mengenakan tekanan ekonomi terhadap Malaysia.

Akhbar Straits Times hari ini melaporkan bahawa firma hal ehwal perhubungan awam dan strategi politik, Janus Meritt Strategy (JMS) telah dilantik selama empat bulan pada Ogos dengan bayaran sebanyak US\$50,000.

Seorang pegawai JMS memberitahu akhbar berkenaan dalam satu temubual telefon bahawa tugas firma itu ialah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kes Anwar dan isu-isu berkaitan kepada sebanyak mungkin orang dan pertubuhan bukan kerajaan di Amerika Syarikat, kata Straits Times.

Laporan itu menyebut bahawa penyokong Anwar akan menggunakan strategi baru untuk memaksa pembebasannya dari penjara melalui tekanan ekonomi.

Ia memetik seorang pegawai kanan Malaysia yang tidak disebut namanya sebagai berkata bahawa beberapa anggota kongres Amerika Syarikat dipercayai sudah dipengaruhi dan satu corak gerakan sudah diwujudkan.

"Akan ada gesaan untuk mengenakan sekatan dan memulau barangan Malaysia dan akan ada tekanan untuk mengehadkan pelaburan asing terus ke sini," kata pegawai itu yang dipetik sebagai berkata dalam laporan dari Kuala Lumpur.

"Kami sudah bersedia dengan kempen panjang untuk cuba mengasingkan Malaysia.

Pelantikan firma Amerika untuk melobi menunjukkan betapa seriusnya mereka untuk melaksanakan tekanan itu.

"Ia adalah kali pertama kami berhadapan dengan kempen bersepadu itu."

Straits Times berkata Ketua Pemuda Keadilan Ezam Mohd Noor mengesahkan bahawa beliau telah berbincang dengan pembantu senator Jesse Helms yang berpengaruh dari Republikan baru-baru ini.

"Saya memberitahu mereka keadaan sebenar di Malaysia dan mengenai pemerintah Mahathir. Mereka setuju dengan apa yang saya katakan," katanya yang dipetik sebagai berkata.

Ezam, bekas setiausaha politik Anwar, berkata beliau tidak fikir bahawa Amerika atau negara-negara yang berfikiran sama akan mengenakan sekatan perdagangan terhadap Malaysia tetapi yakin bahawa negara-negara yang bersimpati akan mengenakan satu bentuk tekanan ekonomi.

Laporan itu juga berkata para pegawai kerajaan Malaysia yakin bahawa rangkaian penyokong Anwar merupakan orang di belakang keputusan yang dibuat oleh Persatuan Islam Amerika Utara untuk menarik balik jemputan kepada Dr Mahathir untuk berucap kepada mereka bulan lepas.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana amalan rasuah dengan campur tangan dalam siasatan polis mengenai salah laku seksualnya.

Pada Ogos, beliau dihukum penjara sembilan tahun selepas didapati bersalah meliwat bekas pemandu kelaurganya, Azizan Abu Bakar, tujuh tahun lepas.

-- BERNAMA

TCL AZZ LAT MAI